

GOLONGAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) PENDENGARAN DI MAHKAMAH SYARIAH: TINJAUAN TERHADAP PROSIDING BERKEPERLUAN KHAS

AZIZAH MOHD RAPINI,¹ NUR DAYANA MOHD KHALIL,² ZANARIAH DIMON,³
NORA'INAN BAHARI,⁴ NAWAL SOLEHUDDIN⁵ NURHIDAYAH MUHAMMAD
HASHIM⁶

¹Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
azizah@kuis.edu.my

²Pelajar Pascasiswazah Sarjana Syariah Undang-undang Fakulti Syariah dan Undang-undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
21mt21005@student.kuis.edu.my

³Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS)
zanariah@kuis.edu.my

⁴Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS)
norainan@kuis.edu.my

⁵Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS)
nawal@kuis.edu.my

⁶Profesor Madya, Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi
Mara (UiTM)
nurhi923@uitm.edu.my

ABSTRAK

Prosiding kes di mahkamah syariah tidak mendiskriminasikan mana-mana pihak untuk mengemukakan sebarang tuntutan atau pendakwaan sama ada dalam kes mal mahu pun kes jenayah syariah. Selagi wujud asas tindakan undang-undang dan selagi pihak-pihak bersedia untuk memberi kerjasama kepada pihak mahkamah kes akan diteruskan mengikut tatacara yang ditetapkan. Sekiranya pihak-pihak dalam kes melibatkan orang kelainan upaya (OKU) mahkamah akan berusaha mengendali dan mendengar kes tersebut setakat kerjasama yang diberikan oleh pihak-pihak terutama dari aspek kehadiran dan pengemukaan keterangan. Walau bagaimanapun sekiranya salah satu pihak atau pihak-pihak dalam kes merupakan OKU pendengaran, beberapa aspek berkaitan keperluan khas perlu diambil perhatian terutama adari aspek khidmat jurubahasa dan bentuk keterangan alternatif yang boleh menyokong kes. Kajian ini bertujuan mengenal pasti bentuk-bentuk keperluan khas yang boleh membantu pihak-pihak di mahkamah syariah sekiranya mereka terdiri daripada golongan OKU pendengaran. Kajian ini merupakan gabungan kajian kepustakaan melalui sumber rujukan perundangan dan kajian lapangan melalui data dari slot *round table discussion* (RTD) yang pernah diadakan melibatkan beberapa informan terdiri dari wakil-wakil NGO yang terlibat dengan kerja-kerja sukarelawan membantu golongan OKU pendengaran. Kajian mendapati wujud beberapa aspek teknikal yang perlu diambil perhatian melibatkan keperluan-keperluan khas untuk OKU pendengaran supaya kes mereka boleh didengar dengan adil melalui khidmat jurubahasa terlatih berserta penerimaan bentuk keterangan alternatif bagi menyokong kes seperti keterangan pakar dan keterangan dokumentar.

Kata kunci: OKU pendengaran, prosiding mahkamah syariah, keperluan khas, keadilan

PENGENALAN

Golongan OKU pendengaran merupakan salah satu kategori OKU yang masih tetap memerlukan sokongan dan bantuan untuk mereka meneruskan kehidupan sama seperti golongan OKU lain walaupun secara fizikalnya seolah-olah mereka tidak mempunyai halangan pergerakan seperti golongan normal. Hakikatnya, mereka masih lagi mempunyai masalah dalam aspek komunikasi sama ada untuk menyampaikan dan menerima maklumat kerana tidak semua perkataan atau istilah boleh diterjemahkan ke bahasa isyarat yang lebih standard dan efektif. Komunikasi bahasa isyarat yang kurang efektif juga boleh mengakibatkan konflik hubungan yang berpanjangan terutama dalam rumahtangga yang sekiranya tidak ditangani dengan baik akan mengakibatkan perceraian. Masalah tersebut mungkin akan berlarutan sehingga ke peringkat prosiding di mahkamah syariah apabila pihak mahkamah kurang bersedia untuk menyediakan keperluan khusus untuk melancarkan prosiding melibatkan pihak-pihak dalam kalangan OKU pendengaran. Oleh yang demikian kajian ini cuba untuk mengenal pasti keperluan-keperluan khusus yang boleh dipertimbangkan oleh mahkamah dalam mengendalikan kes-kes melibatkan OKU pendengaran sama ada dalam prosiding kes mal mahu pun kes jenayah.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif tinjauan yang melibatkan kajian kepustakaan melalui sumber-sumber atau penulisan berkaitan kekeluargaan dan perundangan. Kajian ini juga melibatkan data lapangan melalui perbincangan meja bulat (*Round Table Discussion/RTD*) dengan beberapa informan terdiri dari wakil NGO, ahli akademik, wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), wakil Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri, wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Pihak-pihak di atas dipilih sebagai informan dalam kajian ini kerana mereka mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh fokus kajian iaitu golongan OKU pendengaran. Data-data dari sesi RTD kemudiannya ditranskripsi dan dianalisis secara induktif bagi mengenal pasti keperluan-keperluan khusus yang boleh dipertimbangkan oleh mahkamah syariah dalam mengendalikan kes-kes melibatkan OKU pendengaran sama ada dalam prosiding kes mal mahu pun kes jenayah.

PERBINCANGAN

Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Pendengaran di Mahkamah Syariah

Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 mendefinisikan OKU sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan dalam masyarakat. Golongan OKU merupakan golongan yang dianggap rentan disebabkan keterbatasan keupayaan dan kekurangan sifat atau ciri fizikal dari pelbagai kategori OKU. Secara umumnya, OKU di Malaysia melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tujuan pendaftaran OKU, telah dikategorikan melalui tujuh kumpulan utama (Garis Panduan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) Pindaan 2019) iaitu :

- i. OKU Pendengaran – *bilateral hearing loss, single sided deafness (SSD)/Profound unilateral hearing loss*/tahap pendengaran sangat teruk, kecacatan telinga kekal/sindrom berkaitan telinga/sindrom berkaitan pendengaran serta lain-lain bentuk kecacatan/ketidakupayaan daya mendengar.

- ii. OKU Penglihatan – keupayaan penglihatan yang terhad di kedua-dua belah mata, buta di kedua-dua belah mata, buta di sebelah mata serta lain-lain bentuk kecacatan/ketidakupayaan daya mendengar.
- iii. OKU Pertuturan – kecelaruan pertuturan dan bahasa/kecelaruan komunikasi kompleks, kecelaruan motor pertuturan, kecelaruan suara, kecelaruan kelancaran pertuturan/kegagapan serta kecelaruan resonan/kesengauan pertuturan.
- iv. OKU Fizikal – *limb* (kehilangan separa atau sepenuhnya mana-mana anggota badan), *spinal cord injury* (kecederaan saraf tunjang akibat trauma/bukan trauma), kekurangan atau kehilangan fungsi secara tiba-tiba melibatkan pertuturan, otot, deria, kognitif atau lain-lain sebahagian tubuh badan akibat kekurangan oksigen atau pendarahan di dalam otak, kerdil (*achon-droplasia*), *traumatic brain injury* (kekurangan atau kehilangan fungsi secara tiba-tiba melibatkan pertuturan, otot, deria, kognitif atau lain-lain melibatkan sebahagian tubuh badan akibat kecederaan otak), *celebral palsy* serta lain-lain bentuk/penyakit melibatkan ketidakupayaan fizikal.
- v. OKU Pembelajaran – *global developmental Delay* (GDD), sindrom *down*, *attention deficit hyperactivity disorder* (ADHD), autism, kurang upaya intelektual, dyslexia, dyscalculia serta dysgraphia.
- vi. OKU Mental – *organic mental disorder* yang serius, *schizophrenia*, *schizotypal & delusional disorder*, *mood disorder* dan *severe anxiety disorder*.
- vii. OKU pelbagai – mempunyai lebih dari satu jenis ketidakupayaan.

Kajian-kajian lepas telah merumuskan di antara masalah utama golongan OKU dalam sistem sosial mereka terutama dalam pekerjaan serta penyertaan mereka dalam sebarang aktiviti kemasyarakatan adalah masalah komunikasi dan masalah mendapatkan perkhidmatan fasiliti yang lebih bersifat mesra OKU (Mohhairil Isaruddin et.al, 2018). Golongan OKU juga berhadapan dengan masalah untuk menyertai aktiviti keagamaan disebabkan kekurangan kemudahan fizikal yang disediakan oleh pihak penganjur seperti masjid, sikap segelintir masyarakat yang kurang menyantuni golongan OKU di samping cabaran dari ahli keluarga atau ibu bapa mereka sendiri yang kurang berminat untuk melibatkan anak-anak yang OKU dalam aktiviti atau program keagamaan (Siti Muhibah Hj. Nor et al, 2020). Walaupun masyarakat mulai menerima golongan OKU sebagai sama dalam bentuk hak kehidupan, perbezaan tetap wujud dalam keadaan tertentu apabila wujud kekurangan dari aspek kemudahan prasarana, perkhidmatan sosial dan sistem sokongan (Ferlis, Lineker, Jasmine, Laila Wati, Mohd Dahlan & Rosnah, 2016). Golongan OKU terutamanya yang beragama Islam sangat memerlukan satu sistem sokongan yang lebih komprehensif untuk mereka benar-benar memahami hak dan mengaplikasi konsep kekeluargaan Islam setelah mereka berumah tangga. Ini bertepatan dengan Naimie Mohd Nawawi et al (2020) bahawa golongan OKU merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat dan mereka berhak untuk memiliki dan merasai kehidupan seperti masyarakat yang lain. Perlindungan dan pendekatan serta kemudahan yang efisien buat golongan OKU amat wajar diberi tumpuan sebaiknya khususnya dalam aspek berkaitan kehidupan sosial mereka.

Kajian-kajian lepas mendapati golongan OKU juga tidak dapat lari dari krisis rumahtangga sehingga membawa kepada perceraian yang kebanyakannya berpunca dari masalah komunikasi. Tidak dapat dinafikan komunikasi yang baik dan berkesan antara suami dan isteri memainkan peranan yang sangat penting dalam mengelakkan keretakan rumah tangga (Marziah, Rahman, Nor Ba' Yah dan Salina, 2018). Masalah komunikasi di antara pasangan OKU boleh dan akan berlaku apabila pasangan OKU pendengaran berkahwin dengan

pasangan normal. Pasangan tersebut akan berhadapan dengan risiko masalah komunikasi jika pasangan tidak mempelajari bahasa isyarat dan tidak memahami budaya komunikasi komuniti pekak (Abdullah, 2017). Jika pasangan normal bersedia mempelajari bahasa isyarat yang digunakan oleh pasangan mereka, jurang masalah komunikasi dapat dikurangkan tetapi jika pasangan biasa tidak mempelajari bahasa yang digunakan oleh pasangan, perkara boleh menjadi rumit, menyebabkan pasangan tidak dapat melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan baik disebabkan ketidakberkesanan komunikasi di antara mereka. Malah, pasangan juga tidak dapat menjalani kehidupan berkeluarga seperti pasangan biasa yang lain (Mariam, 2017). Oleh sebab itulah kebiasaannya komuniti pekak memilih untuk berkahwin dalam kalangan mereka juga sebagai jaminan keberkesanan dan keselesaan berkomunikasi dalam rumahtangga. Walau bagaimanapun, masalah tetap akan timbul jika pasangan OKU pendengaran masih tidak dapat berkomunikasi dengan gaya bahasa isyarat yang sama yang menyebabkan mereka berhadapan dengan masalah komunikasi dalam menyampaikan sebarang mesej dalam kehidupan berumahtangga. Contohnya suami menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) manakala isteri menggunakan bahasa isyarat konvensional (Susana, 2016). Keadaan boleh menjadi lebih rumit jika pasangan gagal memahami maksud sebenar mesej yang hendak disampaikan oleh pasangannya mengakibatkan konflik berpanjangan dalam rumahtangga sehingga membawa kepada pengaduan masalah dan perceraian di mahkamah syariah. Sekiranya berlaku keadaan sedemikian mahkamah syariah tidak ada pilihan lain melainkan meminta pihak-pihak membawa jurubahasa isyarat (JBI) supaya apa-apa prosiding perlu boleh diteruskan melainkan mahkamah syariah sendiri mempunyai personel khusus di mahkamah yang bertindak sebagai JBI untuk membantu pihak-pihak dari komuniti OKU pendengaran.

Kehidupan sosial OKU pendengaran yang tidak mempunyai perbezaan ketara dengan komuniti golongan normal memungkinkan mereka berhadapan dengan bermacam-macam konflik kehidupan, kekeluargaan dan interaksi sosial termasuklah kemungkinan-kemungkinan penglibatan mereka dalam aktiviti yang tidak sihat termasuklah jenayah. Kekurangan yang ada pada diri mereka tidak menjadi penghalang kepada mana-mana pihak untuk mengambil tindakan jika perlu atau mengemukakan aduan terhadap sebarang salah laku dan krisis kehidupan. Mahkamah Syariah sebagai institusi keadilan yang mempunyai bidang kuasa terhadap mana-mana orang Islam mengikut negeri-negeri di Malaysia tetap mempunyai bidang kuasa mendengar kes-kes jika pihak-pihak terdiri dari komuniti OKU pendengaran sama ada dalam kes mal mahu pun jenayah syariah. Undang-undang yang terpakai terhadap mereka juga terdiri dari undang-undang yang sama terpakai di mahkamah syariah sama ada undang-undang pentadbiran agama Islam, undang-undang keluarga Islam, undang-undang jenayah syariah, undang-undang tatacara mal mahkamah syariah, undang-undang tatacara jenayah syariah dan undang-undang keterangan mahkamah syariah. Oleh yang demikian, beberapa aspek berkaitan keperluan khas perlu diambil perhatian oleh mahkamah syariah dalam mengendalikan prosiding yang melibatkan OKU pendengaran terutama dari aspek khidmat jurubahasa atau terjemahan semasa pendengaran atau perbicaraan dan aspek keterangan yang boleh menyokong kes.

OKU Pendengaran dalam Prosiding Mal

Kes mal selalu dikaitkan dengan kes-kes kekeluargaan di mahkamah syariah sama ada kes melibatkan perkahwinan, pembubaran perkahwinan atau kes-kes berkaitan hak-hak yang berbangkit dalam perkahwinan dan selepas perceraian. Undang-undang keluarga Islam di Malaysia (rujukan khusus dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor

Tahun 2003/EUKIS) tidak mempunyai sebarang peruntukan khusus berkaitan dengan golongan OKU. Walau bagaimanapun dalam undang-undang tersebut terdapat peruntukan yang secara tidak langsung mengaitkan ketidakupayaan seseorang sebagai alasan untuk tuntutan-tuntutan tertentu seperti tuntutan fasakh dan nafkah anak. Seksyen 53 memperuntukkan tentang perintah untuk membubarkan perkahwinan untuk fasakh iaitu:

(1) Seseorang perempuan atau lelaki, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu—

(a).....

(b).....

(c).....

(d).....

(e).....

(f).....

(g).....

(h).....

(i).....

(j) bahawa isteri tidak izin akan perkahwinan itu atau izinnya tidak sah, sama ada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidaksempurnaan akal, atau hal keadaan lain yang diakui oleh
Hukum Syarak;

(k) bahawa pada masa perkahwinan itu isteri, sungguh pun berkebolehan memberi izin yang sah, adalah seorang yang sakit otak, sama ada berterusan atau berselang, dalam erti Ordinan Sakit Otak 1952 [Ord. 31/52] dan sakit otaknya adalah dari suatu jenis atau setakat yang menjadikannya tidak layak untuk berkahwin; atau

(l).....

Dalam peruntukan yang lain, seksyen 80 berkaitan tempoh perintah bagi nafkah anak: Kecuali—

(a) jika sesuatu perintah mengenai nafkah seseorang anak dinyatakan sebagai selama tempoh yang lebih singkat;

(b) jika sesuatu perintah itu telah dibatalkan; atau

(c) jika sesuatu perintah itu dibuat untuk—

(i) seseorang anak perempuan yang belum berkahwin atau yang, oleh sebab sesuatu hilangnya dari segi otak atau jasmani, tidak berkebolehan menanggung nafkah dirinya; atau

(ii) seorang anak lelaki yang, oleh sebab sesuatu hilangnya dari segi otak atau jasmani, tidak berkebolehan menanggung nafkah dirinya,

perintah nafkah hendaklah tamat apabila anak itu mencapai umur lapan belas tahun, tetapi Mahkamah boleh atas permohonan oleh anak itu atau oleh seseorang lain, melanjutkan perintah nafkah itu supaya meliputi apa-apa tempoh tambahan yang difikirkannya munasabah, bagi membolehkan anak itu mengikuti pelajaran atau latihan lanjut atau lebih tinggi.

Kedua-dua peruntukan di atas telah secara tidak langsung telah memperakui hak golongan OKU sama ada OKU mental dan OKU jasmani yang secara literalnya meliputi OKU fizikal,

penglihatan, pendengaran dan pertuturan. Hak OKU mental dalam seksyen 53 ialah hak OKU mental jika dihidapi oleh seseorang wanita untuk menuntut fasakh sekiranya perkahwinannya dilakukan tanpa keizinannya kerana perkahwinan yang berlaku tanpa izin bagi seseorang wanita atau anak perempuan yang mempunyai penyakit mental berisiko mengundang sebarang bentuk penganiayaan dan penzaliman. Manakala seksyen 80 pula memperuntukkan hak anak dari golongan OKU mental dan jasmani atau fizikal untuk terus menerima nafkah dari bapa atau walinya walaupun mereka telah mencapai umur 18 tahun, apatah lagi sekiranya mereka memang tidak berupaya untuk hidup berdikari atau mencari pekerjaan untuk menanggung dirinya sendiri.

Walaupun peruntukan-peruntukan undang sebelum ini menyentuh tentang hak OKU dalam undang-undang keluarga Islam secara tidak langsung, tidak ada sebarang peruntukan khusus berkaitan tatacara sama ada tatacara prabicara mahu pun tatacara perbicaraan khas sekiranya pihak-pihak atau salah satu pihak atau pun saksi untuk memberi keterangan merupakan OKU pendengaran. Seksyen 24 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) Tahun 2003 (ETMMS 2003) juga tidak memasukkan OKU pendengaran sebagai termasuk dalam maksud 'orang tak berkeupayaan' yang boleh mendakwa atau didakwa melalui penjaga *ad litem*nya yang diluluskan dengan wajar oleh mahkamah. 'Orang tak berkeupayaan' dalam ETMMS 2003 hanya merujuk kepada seseorang budak, seseorang tak sempurna akal dan seseorang yang ditegah menguruskan hartanya seperti yang tafsirkan dalam seksyen 3 enakmen ini. Oleh yang demikian, OKU pendengaran atau mana-mana OKU yang tidak termasuk dalam maksud 'orang tak berkeupayaan' dalam enakmen ini, boleh mengemukakan dakwaan atau didakwa/dituntut melalui diri mereka sendiri atau peguamnya sama seperti orang yang sihat. Manakala seksyen 100 pula menegaskan tentang keperluan keterangan pihak-pihak atau saksi-saksi mengemukakan sebarang keterangan secara lisan tanpa meletakkan apa-apa pengecualian melainkan dalam seksyen 232 sebagai satu klausa khusus berkaitan penggunaan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi dalam sebarang bentuk keterangan lisan dan keterangan dokumen. Oleh yang demikian, boleh difahami secara tidak langsung bahawa sekiranya prosiding melibatkan JBI untuk menterjemahkan keterangan pihak-pihak OKU pendengaran maka bahasa isyarat yang digunakan juga mestikan bahasa isyarat yang menggunakan bahasa kebangsaan.

Walaupun segelintir pasangan OKU pendengaran berhadapan dengan masalah rumahtangga dan konflik kekeluargaan, kes-kes yang difailkan oleh komuniti tersebut amatlah sedikit. Namun ini tidak bermakna senario tersebut tidak signifikan kerana komuniti mereka sepatutnya dibantu oleh mana-mana pihak bagi mengurangkan risiko perpecahan institusi kekeluargaan mereka serta implikasi-implikasi berkaitan. Kes-kes kekeluargaan dalam kalangan OKU pendengaran hanya dibawa ke mahkamah syariah sekiranya mereka mendapat bantuan JBI dalam kalangan rakan mereka atau kenalan atau pihak yang bersedia mendengar permasalahan mereka menggunakan bahasa isyarat.

“Jadi, ketika itu kes saya yang saya jumpa itu isu mereka adalah dua-dua memang OKU, dua-dua memang pekak, dua-dua bisu cuma ketika kita panggil, kita atur pertemuan itu suami tidak hadir, jadi saya jumpa isteri sahaja sebab kes itu dikemukakan oleh isteri. Saya kongsi sedikit kisah dia adalah walaupun saya tak dapat secara khusus sebab itu pertemuan pertama, apa yang dia cuba sampaikan adalah isu masalah seksual dengan suami akhirnya saya buat konklusi itu adalah berdasarkan gambar yang dia lukis, dalam situasi itu adalah dia tak selesa apabila laksanakan hubungan kelamin, suami menggunakan alat, ini agak sensitif tapi saya

sebutlah, saya kongsiikan. Saya dapat konklusi itu melalui sebabnya kita terhad jadi melalui lukisan dia dan untuk sesi yang seterusnya saya tak de pilihan, saya memang panggil jurubahasa isyarat yang bertauliah, kita bayar lah dari peruntukan-peruntukan yang ada dan kes itu memang akhirnya ke mahkamah syariah lah untuk perceraian apabila isteri tetap dengan hasratnya untuk bercerai. Jadi kita faham sesi kedua suami memang tak datang juga sebenarnya, isteri sahaja yang hadir sehingga ke sudah, jadi itu sedikit perkongsian pengalaman dalam bertahun-tahun saya dalam bidang.” (Informan 2, 12 April 2022, 1:03:08)

Daripada maklumat informan di atas merumuskan bahawa perlunya sistem sokongan yang menyeluruh sama ada di peringkat sebelum bermula prosiding mahkamah syariah atau di peringkat runding cara kekeluargaan di mana-mana pejabat agama Islam sehingga ke mahkamah syariah melalui bantuan JBI yang profesional disediakan oleh kedua-dua institusi tersebut sama ada di pejabat/jabatan agama Islam mahu pun di mahkamah syariah. Ini kerana dengan adanya JBI komuniti OKU pendengaran boleh mendapat bantuan sokongan mental dan fizikal untuk mereka meneruskan sebarang prosiding perlu dengan sebarang bentuk tuntutan yang sesuai di pihak mereka untuk didengar atau dibicarakan secara berkesan.

OKU Pendengaran dalam Prosiding Jenayah Syariah

Seksyen 7 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) Tahun 2002 (EJS 2003) menunjukkan peruntukan umum berkaitan bidang kuasa iaitu:

Tertakluk kepada Enakmen ini, tiap-tiap Hakim hendaklah mengambil perhatian dan mempunyai kuasa untuk—

- (a) mendengar, membicarakan, memutuskan dan membereskan pendakwaan bagi kesalahan yang dilakukan keseluruhannya atau sebahagiannya di dalam bidang kuasa tempatan Hakim itu dan yang boleh diambil perhatian oleh Hakim itu;
- (b) menyiasat aduan tentang kesalahan dan memanggil dan memeriksa saksi mengenai kesalahan itu dan menyaman dan menangkap dan mengeluarkan waran bagi penangkapan penjenayah dan pesalah dan memperlakukan mereka mengikut undang-undang;
- (c) mengeluarkan waran untuk menggeledah atau menyebabkan digeledah tempat yang di dalamnya apa-apa barang atau benda yang dengannya atau mengenainya apa-apa kesalahan telah dilakukan dikatakan ada disimpan atau disembunyikan;
- (d) menghendaki orang memberikan jaminan supaya mereka berkelakuan baik mengikut undang-undang; dan
- (e) melakukan segala perkara dan benda lain yang seseorang Hakim diberi kuasa untuk melakukannya oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Peruntukan di atas merupakan peruntukan umum berkaitan bidang kuasa mahkamah syariah terhadap prosiding jenayah syariah yang dilakukan oleh mana-mana orang yang beragama Islam di negeri tersebut tanpa membataskan pelaku jenayah sama ada orang yang normal atau OKU. Apa yang menariknya, tidak seperti dalam ETMMS 2003, terdapat peruntukan khusus tentang keperluan JBI dalam EJSS 2003 sekiranya prosiding jenayah melibatkan keterangan dari OKU pendengaran (walaupun seksyen tersebut tidak menyebut tentang OKU pendengaran). Seksyen 115 enakmen tersebut memperuntukkan :

- Menterjemahkan keterangan kepada tertuduh.
- (1) Bilamana apa-apa keterangan diberikan dalam bahasa atau isyarat yang tidak difahami oleh tertuduh, dan dia hadir sendiri, keterangan itu hendaklah diterjemahkan kepadanya di dalam Mahkamah terbuka dalam bahasa yang difahaminya.
 - (2) Apabila dokumen-dokumen dikemukakan bagi maksud pembuktian formal, maka hendaklah terpulang kepada budi bicara Mahkamah untuk mentafsirkannya setakat yang difikirkan perlu.

Selain dari peruntukan di atas kesemua prosiding melibatkan tertuduh OKU adalah sama dari aspek keperluan dibacakan pertuduhan, hak untuk memberi keterangan dan proses perbicaraan di mahkamah. Oleh yang demikian, sama seperti prosiding kes mal, JBI professional masih menjadi keperluan utama untuk menjadi penterjemah kepada pihak mahkamah apabila keterangan-keterangan yang dikemukakan sama ada di pihak tertuduh atau di pihak pendakwa syarie merupakan keterangan yang datang dari seorang OKU pendengaran. Pihak mahkamah perlu bersedia untuk melantik JBI secara tetap atau kontrak atau mengikut keperluan kes dengan bayaran tertentu tanpa membebankan pihak lain untuk membawa JBI bagi pihak mereka.

Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah

Undang-undang keterangan mahkamah syariah merupakan antara rujukan paling penting di mahkamah syariah dalam semua prosiding sama ada kes mal atau jenayah syariah. Undang-undang keterangan mahkamah syariah menyediakan panduan atau peraturan berkaitan kesahan atau penerimaan jenis-jenis keterangan semasa pendengaran atau perbicaraan. Undang-undang tersebut juga memberikan panduan tentang kebolehterimaan bentuk-bentuk keterangan di mahkamah syariah seperti keterangan saksi, keterangan dokumen, keterangan pakar, iqrar, kesaksian atay syahadah, qarinan dan sumpah. Walau bagaimanapun tidak ada peruntukan khusus berkaitan keterangan yang melibatkan pihak-pihak terdiri dari OKU pendengaran. Hanya ada satu peruntukan yang secara jelas menyatakan tentang bahasa isyarat sebagai salah satu bentuk keterangan saksi apabila saksi merupakan saksi bisu seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 84 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) Tahun 2002 (EKMS 2003). Seksyen tersebut menjelaskan tentang status keterangan dari seorang saksi bisu yang menggunakan bahasa isyarat bahawa keterangan tersebut hanya diterima sebagai *bayyinah* sahaja, bukan *syahadah* atau kesaksian dalam erti kata sebenar. Ini kerana bahasa isyarat yang digunakan sebagai keterangan saksi masih terdedah dengan sebarang ketidaktentuan maksud sebenar isyarat yang disampaikan kerana tidak semua OKU pendengaran mahir dengan bahasa isyarat standard atau BIM yang boleh dianggap sebagai maksud standard sesuatu terma. Kemungkinan bahasa isyarat di antara mereka mempunyai maksud yang berlainan, apatah lagi tidak semua terma dalam bahasa Malaysia boleh diterjemahkan dalam satu bentuk bahasa isyarat yang mempunyai makna khusus terutama terma-terma yang berkaitan dengan hukum-hukum keagamaan atau hukum syarak yang masih dipengaruhi dengan istilah bahasa Arab. Oleh sebab itu, keterangan yang diberikan oleh seorang saksi bisu atau OKU pendengaran masih memerlukan sokongan keterangan lain dan dipastikan kekonsistenan keterangan-keterangan tersebut supaya boleh diterima atau dipertimbangkan oleh mahkamah.

Seksyen 17 EKMS juga telah memperuntukkan tentang penerimaan sebarang betuk pengakuan atau iqrar walaupun menggunakan bahasa isyarat iaitu:

Seksyen 17. Iqrar ditakrifkan.

(1) *Iqrar* ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak.

(2) Apa-apa *iqrar* hendaklah dibuat—
(a) di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau
(b) di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang *aqil*, *baligh* dan *adil*.

(3) Sesuatu *iqrar* yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah *qarinah*.

Peruntukan di atas memberi ruang kepada pihak-pihak untuk menggunakan bahasa isyarat dalam sebarang pengakuan sama ada pengakuan liabiliti jenayah atau pengakuan terhadap sebarang tanggungan/tanggungjawab jika kes melibatkan kes mal sebagai contoh pengakuan tidak memberi nafkah atau pengakuan melafazkan cerai menggunakan bahasa isyarat. Walau bagaimanapun, peruntukan seperti ini tidak bermakna mahkamah boleh melepaskan tanggungjawab membawa JBI kepada pihak-pihak bimbang kes akan memakan tempoh masa yang lama disebabkan kekangan mengemukakan JBI. Mahkamah seharusnya lebih proaktif menyediakan khidmat JBI bagi membantu menterjemah sebarang keterangan untuk lebih difahami oleh pihak hakim supaya dapat memutuskan kes secara adil.

Seksyen 48 enakmen yang sama telah memperuntukkan tentang kepentingan keterangan berbentuk dokumen yang sebenarnya boleh menyokong mana-mana keterangan yang menggunakan bahasa isyarat supaya keterangan pihak-pihak lebih konsisten dan diyakini oleh hakim.

Oleh yang demikian mahkamah syariah boleh menerima sebarang bentuk pembuktian dari mana-mana OKU sama ada mereka sebagai pihak-pihak atau mereka sebagai saksi pihak-pihak asalkan keterangan yang menggunakan bahasa isyarat dan melalui pengesahan atau bantuan JBI disokong dengan keterangan lain terutama keterangan dokumen, keterangan saksi bukan OKU pendengaran mahu pun keterangan pakar seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 33.

Penambahbaikan Prosiding Mahkamah Syariah Melibatkan OKU Pendengaran

“Selain LPPKN yang kita ada ni, saya kira benda ni kerja ni jemaah maknanya asasnya ialah daripada institusi agama lah, JAKIM, jabatan agama perlu berkolaborasi dan juga perlu kepada kalau kita lihat, hari tu saya ada share dalam dasar OKU, Dasar OKU dekat bahagian penutup itu, mungkin kita terlepas pandang untuk baca penutup, tapi Dasar OKU apabila kita baca penutup tu, bagi saya setiap sekarang ni persepsi kita OKU ni, semua di bawah JKM, isu OKU bawah JKM, cerita OKU bawah JKM, jarang kalau kita kata OKU ni minta maaf cakap JAKIM, OKU ni Mahkamah Syariah, OKU ni Jabatan Agama, jarang orang nak relatekan macam tu, tapi biasanya relate kepada JKM sahaja. Jadi apabila kita baca balik Dasar OKU tu bahagian penutup, dia kata dasar ini tidak akan berjaya tanpa ada kerjasama semua secara bersepadu. Bagi saya, pemahaman saya sepatutnya setiap kementerian dia ada unit OKU dia, setiap

*kementerian mesti ada unit OKU sebab OKU adalah sebahagian daripada kita”
(Informan 1, 12 April 2022, 1:10:03)*

Berdasarkan maklumat daripada informan di atas, kajian merumuskan bahawa setiap agensi kerajaan termasuklah mahkamah syariah berperanan dalam memperkasakan hak golongan OKU pendengaran dari segi peruntukan undang-undang dan prosiding di mahkamah. Selain menyediakan khidmat JBI, golongan OKU pendengaran perlu diberikan pendedahan berkenaan fungsi dan peranan mahkamah syariah itu sendiri melalui mana-mana medium terutamanya dalam kursus praperkahwinan yang dianjurkan khusus untuk komuniti mereka. Mahkamah syariah juga perlu berusaha untuk menggunakan medium komunikasi berkesan terhadap golongan OKU khususnya OKU pendengaran seawal kes mereka difailkan, proses pemeriksaan yang melibatkan tiga peringkat utama (pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula) sehingga ke peringkat penghakiman.

Selain daripada bantuan JBI dalam prosiding mahkamah, pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia atau JKMS sama ada diperingkat pusat mahu pun negeri-negeri boleh menaiktaraf sistem e-shariah yang lebih mesra OKU dan boleh diakses oleh OKU pendengaran secara efektif terutama maklumat berkaitan keperluan-keperluan yang perlu mereka penuhi setelah sebelum atau setelah mereka menfailkan kes di mahkamah syariah bagi memastikan mereka lebih bersedia dan yakin kepada bantuan yang disediakan untuk membantu mereka mendapat hak yang sepatutnya selepas kes selesai. Dengan pengenalan sistem E-Shariah, badan kehakiman Syariah juga telah mula memanfaatkan sumber teknologi ke arah pengendalian kes-kes secara lebih sistematik, efisien dan efektif. Pelaksanaan sistem e-Shariah telah berjaya membina rangkaian elektronik yang menghubungkan semua mahkamah Syariah di negeri-negeri dengan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan agensi lain yang berkaitan untuk penyelarasan dan perkongsian maklumat melibatkan portal e-Shariah, Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS), Sistem Pengurusan Peguam Syarie dan Sistem Pengurusan Perpustakaan.

KESIMPULAN

Kecacatan atau kekurangan keupayaan untuk mendengar dalam kalangan golongan OKU tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak menerima sebarang pengaduan atau tuntutan dalam sebarang prosiding di mahkamah syariah. Di pihak OKU pendengaran sendiri, mereka perlu berani untuk memulakan sebarang tindakan sekiranya hak mereka dicabuli atau sekiranya mereka berhasrat untuk menuntut sebarang keadilan untuk mereka sebagaimana yang diiktiraf dalam undang-undang. Walau bagaimanapun dengan kekangan komunikasi komuniti ini, sistem sokongan yang kuat dari masyarakat sekeliling sangatlah diperlukan kerana kebanyakan mereka tidak dapat bertindak sendiri disebabkan limitasi kekuatan mental dan rohani serta sistem komunikasi. Liabiliti serta tanggungan kes jenayah atau mal tidak mengecualikan komuniti OKU pendengaran dalam apa-apa prosiding di mahkamah syariah sama ada kes mal atau jenayah atau OKU pendengaran sendiri sebagai saksi mana-mana pihak di mahkamah. Oleh yang demikian bagi memastikan prosiding yang melibatkan OKU pendengaran berjalan dengan lancar dan efektif, pihak mahkamah perlu bersedia menyediakan sebarang keperluan khusus untuk golongan ini melibatkan JBI yang profesional, toleransi kepada sebarang bentuk keterangan lain yang menyokong seperti keterangan dokumen dan keterangan pakar serta menaiktaraf sistem teknologi atau pengurusan secara dalam talian yang lebih mesra OKU pendengaran bagi menjamin keadilan serta memelihara hak golongan tersebut.

PENGHARGAAN

Pihak kumpulan penyelidik kajian ini ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi di atas anugerah Geran *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) bagi tahun 2021 hingga 2023 yang diberikan dan penajaan sumber kewangan kepada kajian kami bertajuk Pembinaan Modul Kursus Pembangunan Keluarga Mesra OKU Sebagai Sistem Sokongan Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Islam (FRGS/1/2021/SSI0/KUIS/02/4). Semoga sokongan dan penajaan yang diamanahkan dapat memberikan impak yang besar kepada sistem sosial negara terutama dari aspek kestabilan institusi kekeluargaan sama ada dalam kalangan golongan tipikal normal mahu pun golongan OKU.

RUJUKAN

- Abdullah Yusoff (2014). *Memahami Komunikasi Orang Pekak*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah Yusoff, Che Rabiah Mohamed (2017). *Memahami Kecacatan Bahasa Dan Komunikasi*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Akta Orang Kurang Upaya, 2008
- Ferlis Bullare@Bahari, Lineker ak Takom, Jasmine Adela Mutang, Laila Wati Madian, Mohd Dahlan A.Malek & Rosnah Ismail. (2016). Model Ketidakupayaan Sosial-Perubatan Bagi Orang Kurang Upaya di Malaysia. *Southeast Asia Psychology Journal*, Vol.4. 35-48.
- Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud & Maizatul Haizan Mahbob.(2017). Realiti Penerimaan Masyarakat Terhadap Orang Kelainan Upaya (Oku) Di Malaysia Dari Perspektif Media. *Proceedings - The International Conference On Media And Communication 2017, 20-22 Nov 2017*. Marriot Putrajaya, Malaysia.
- Mariam Abd. Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin (2017). Perceraian Rumah Tangga Di Negeri Selangor Darul Ehsan Dan Pendekatan Menanganinya.
- Marziah, Rahman, Nor Ba'ayah dan Salina (2018). Pengukuran dan Peramal Perkahwinan Berkualiti. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol.9 Issue 1.
- Modul Bersepadu Kursus PraPerkahwinan Islam.(2018). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Mohhairil Isaruddin, Mohammad Wafiq Lokman & Aizan Sofia Amin. (2018). Isu Pekerjaan Orang Kurang Upaya Pendengaran: Kajian Kes di Selangor. *Jurnal Wacana Sarjana*. Vol. . No 2. 1-10.
- Naimie Mohd Nawawi, Mohd Khairul Amri Kamarudin, Fuad Mohd Jali, Mohd Syaiful Nizam Abu Hassan. (2020) Penilaian Analisis Keperluan Kepada Penggunaan Bahasa Isyarat Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Masalah Pendengaran. *Akademika*. 90 (1).51-61

Siti Muhibah Hj Nor & Zetty Nurzuliana Rashed, Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid: Keperluan dan Cabaran Perlaksa naannya. (2020) *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, Vol. 4(1).19-27.

Susana Barbosa, Sónia Coelho, Susana Branco (2016). Deafness In Family Relationship: A Study On The Interactions Between Mother, Child And Maternal Grandmother. *The Journal of Education, Culture, and Society*. 230-243 (2).

Temubual secara *Round Table Discussion* dalam talian bersama Datin Siti Muhibah Binti Hj. Nor, Wakil NGO OKU. Pada 11 April 2022. Jam 11 pagi.

Temubual secara *Round Table Discussion* dalam talian bersama Dr. Norakyairee Mohd Raus Pengarah, Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (Ummi) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim). Pada 12 April 2022. Jam 10 pagi.

Temubual secara *Round Table Discussion* dalam talian bersama Puan Adibah Haji Muhammad Rivai, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Perak. Pada 12 April 2022. Jam 10.00 pagi.

Temubual secara *Round Table Discussion* dalam talian bersama Tuan Fauwaz bin Hasbullah, Pengarah, Bahagian Kesejahteraan Keluarga Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Negara. Pada 12 April 2022. Jam 10.30 pagi.